



Rujukan kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2( 8 )  
Tarikh : 28 Februari 2023

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BILANGAN 6/2023 MENGENAI PENERIMAAN PERMOHONAN TANAH BAGI TUJUAN PELUPUSAN DAN PEMBANGUNAN TANAH OLEH PENTADBIR TANAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Berdasarkan pemerhatian pentadbiran ini, terdapat permohonan-permohonan tanah yang dikemukakan bagi tujuan pelupusan dan pembangunan yang tidak diterima atas alasan-alasan tertentu oleh pihak Pentadbir Tanah.

3. Pentadbiran ini ingin menjelaskan bahawa prinsip asas berkaitan perkara ini adalah permohonan tanah yang dinyatakan hendaklah diterima dan diproses sewajarnya tertakluk kepada peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) dan Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 (PLR).

4. Prinsip ini terpakai meskipun semasa semakan yang dibuat di kaunter, sesuatu permohonan didapati mempunyai asas untuk ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Pentadbir Tanah (di bawah Kaedah 36 PLR). Dalam keadaan ini, pihak Pentadbir Tanah mengikut budi bicaranya boleh menasihatkan pemohon bahawa permohonannya berkemungkinan akan ditolak, namun sekiranya pemohon berkehendakkan agar permohonannya diproses, pihak Pentadbir Tanah tidak boleh menolak atau enggan menerima permohonan tersebut. Bagi menjelaskan pernyataan di atas, berikut adalah 3 contoh isu yang pernah dibangkitkan:

- 4.1 pemohon (tuan tanah) mengemukakan permohonan tanah bagi tujuan mendapatkan pegangan selama-lamanya. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diterima oleh Pentadbir Tanah atas alasan ianya bercanggah dengan KTN dan keputusan Majlis Tanah Negara selain terdapat surat daripada pentadbiran ini pada 2009 yang menasihatkan Pentadbir Tanah agar tidak menerima permohonan sedemikian sehingga terdapat hala tuju lanjut daripada Kerajaan Negeri.

...2/-

Rujukan kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2( 8 )

4.2 pemohon (tuan tanah) mengemukakan permohonan pindaan syarat nyata tanah. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diterima atas alasan pemohon tidak mempunyai surat pengesahan perlingkungan (zoning) daripada pihak berkuasa perancang.

4.3 pemohon (tuan tanah) merupakan sebuah badan berkanun negeri yang hendak mengemukakan permohonan secara serentak permohonan penyerahan keseluruhan tanah dan pemberimilikan di bawah Seksyen 197 dan 76 KTN bagi tujuan pelanjutan tempoh pajakan dan pindaan syarat nyata. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diterima atas alasan bercanggah dengan amalan sedia ada.

5. Dalam ketiga-tiga contoh di atas, permohonan-permohonan tanah yang dikemukakan sewajarnya boleh diterima dan diproses untuk pertimbangan PBN. Pentadbir Tanah boleh membuat sebarang perakuan yang dirasakan wajar berdasarkan merit sesuatu permohonan dalam penyediaan kertas pertimbangan. Keengganan menerima permohonan-permohonan yang dinyatakan boleh menimbulkan isu tidak diingini dan boleh dielakkan sekiranya pihak yang terlibat mengambil maklum perkembangan semasa perundangan tanah serta merujuk ke pentadbiran ini bagi mendapatkan penjelasan berkaitan sebarang isu yang berbangkit.

6. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya berkaitan perkara yang dinyatakan di atas. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,



.....  
**(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2( 8 )

e.d. Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil

### **SENARAI EDARAN**

1. Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut  
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut  
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR  
10000 George Town  
Pulau Pinang
2. Pentadbir Tanah Seberang Perai Tengah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah  
Jalan Betek, Sungai Rambai  
14000 Bukit Mertajam  
Pulau Pinang
3. Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya  
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya  
11000 Balik Pulau  
Pulau Pinang

Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2( 8 )

4. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Utara  
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara  
Bertam, 13200 Kepala Batas  
Pulau Pinang
5. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Selatan  
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan  
14200 Sungai Jawi  
Pulau Pinang